

Antropologi dan Modernisasi

Mengungkapkan Pengalaman Malaysia



01.09595
SHA

SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Antropologi dan Modernisasi

Mengungkapkan Pengalaman Malaysia



**PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA**



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Antropologi dan Modernisasi


Mengungkapkan Pengalaman Malaysia

SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN
BA, MA (Malaya), Ph.D. (Monash)



*Dipersembahkan sebagai Syarahan Perdana Jawatan Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia pada 16 Januari 1993
di Bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2011
<http://www.ukm.my/penerbit>



PUSTAKA PERDANA



1009632



Cetakan Pertama / *First Printing*, 1993
 Cetakan Kedua / *Second Printing*, 2011
 Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbit dan dicetak di Malaysia oleh / *Published and printed in Malaysia by*
 PENERBIT UKM / *UKM PRESS*
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor D. E., MALAYSIA
<http://www.ukm.my/penerbit>
 e-mel: penerbit@ukm.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
 MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
 MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL

PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
 MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
 No. Ahli / *Membership No.* 198302

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication Data

Shamsul Amri Baharuddin

Antropologi dan modenisasi: mengungkapkan
 Pengalaman Malaysia / Shamsul Amri Baharuddin.
 (siri syarahan perdana / Universiti Kebangsaan
 Malaysia)

1. Anthropology – Malaysia. 2. Applied
 Anthropology – Malaysia. I. Judul. II. Siri
 301.09595

ISBN 978-967-942-253-5

301 09 9
 SHA



PERDANA
 LEADERSHIP
 FOUNDATION
 YAYASAN
 KEPIMPINAN
 PERDANA

Abstrak

Antropologi di tempat kelahirannya, di Barat, dikatakan menghadapi krisis pada waktu ini. Tetapi antropologi di Malaysia kelihatan subur dan sehat. Apakah di sebalik mistri ini? Sebenarnya tidak ada sebarang muslihat di sebalik keadaan ini kalau kedua-dua perkembangan yang bertentangan ini diletak dan dianalisis dalam konteks sosialnya masing-masing. “Economic rationalism” di negara Anglo-Saxon telah menular ke mana-mana sehingga mengesankan perjalanan universiti, termasuk hidup matinya antropologi. Inilah nampaknya pengalaman di Barat, dan juga pengalaman antropologinya, yang mungkin dihambat oleh keadaan *post-industrialnya*. Malaysia masih merupakan sebuah negara yang masih ligat mengejar modenisasi. Antropologi lahir dari suatu keadaan krisis akibat mengejar modenisasi ini. Maka antropologi telah ikut maju dan berkembang sesuai dengan rentak kemajuan di Malaysia. Di samping itu, kerencaman kandungan masyarakat Malaysia itu sendiri, dengan tradisi *everyday anthropology*nya yang begitu kukuh dan tersulam halus dalam perjalanan hidup seharian anggotanya, dengan mudah menerima antropologi yang berbentuk akademik ke pangkuannya. Berkembang mekarlah antropologi jadinya di Malaysia sebagai sebuah disiplin, biarpun isi kandungan sudah banyak dirobah sesuai dengan keperluan konteks sosial sezaman. Dalam “merintis jalan ke 2020”, antropologi tetap penting sebagai sebuah disiplin akademik yang boleh menjadi teras pembentukan Bangsa Malaysia yang bersatu-padu.



Abstract

Anthropology, at its place of birth, in the West is said to be in a crisis at present. But anthropology in Malaysia seems to be thriving and healthy. What is behind this mystery? There would be mystery no more if we place each of this development in its social context. “Economic rationalism” in the Anglo-Saxon countries seems to have spread quite widely that it has affected even workings within universities, thus threatening the future of anthropology. This is what seems to be the problem in the West, hence its anthropology, which stems perhaps from its post-industrial experience. Malaysia is still a nation possessed in pursuing modernization. Anthropology in Malaysia is born in this social context and has grown and developed according to the tempo of the modernization process experienced by Malaysia. Besides, the heterogeneity of Malaysian society, with its own tradition of “everyday anthropology” weaving social interactions amongst its members daily, made it much easier for anthropology, as an academic discipline to be accepted here. As a result, anthropology as an academic discipline has really bloomed in Malaysia, despite changes in its content to suit contemporary social context. In “carving the path to 2020”, anthropology has an important role to play as the core academic discipline which could contribute to the building of a united Malaysian Race.



*Para Ahli Majlis Universiti,
Para Ahli Senat Universiti,
Para Profesor,
Para Profesor Madya, Pensyarah,
Para Mahasiswa,
Para Tetamu Kenamaan,
dan para Hadirin yang dihormati Sekalian!*

|

Saya mendedikasikan syarahan ini kepada semua “guru” dan “murid” bidang antropologi, dulu dan sekarang, yang hadir dan yang tidak hadir pada hari ini. Apa yang ingin saya sampaikan hari ini bukanlah suatu kertas kerja atau laporan mengenai “Dua puluh Dua Tahun Antropologi di Malaysia”. Namun tanpa membincangkan aspek sejarah serta perkembangan antropologi di Malaysia, syarahan ini adalah seperti pohon tanpa akarnya.

Anda tidak akan dibosankan dengan sebuah laporan megah mengenai prestasi dan pencapaian akademik saya, sama ada berbentuk penemuan penyelidikan atau penulisan. Namun, tanpa pencapaian usaha tersebut saya tidak akan berdiri di depan anda pada saat ini menyampaikan sebuah syarahan perdana.



Saya juga tidak berhajat menjadikan syarahan ini sebuah kuliah bersifat “Pengakuan Seorang Ahli Antropologi”, yakni sebuah autobiografi dan ceretra peribadi mengenai pahit maung pengalaman jadi ahli antropologi selama kira-kira dua dasawarsa. Namun setiap syarahan perdana itu adalah sesuatu yang amat peribadi sifat dan kandungannya dan juga bentuk majlis sambutannya kerana fokus adalah kepada sang profesor. Tambahan pula menyampaikan syarahan perdana dalam konteks tradisi keilmuan sedunia pernah dianggap sebagai *rite de passage* yang mendewasakan seorang profesor dalam bidangnya.

Oleh yang demikian, untuk syarahan ini, saya bercadang menggabung sulamkan kandungan dari tiga perkara besar yang saya sentuh di atas: pertama, berkaitan perkembangan antropologi di Malaysia; kedua, berhubung dengan fokus penyelidikan dan penulisan saya selama lima belas tahun lalu, iaitu mengenai “politik dan pembangunan di Malaysia”; dan ketiga, dengan mensepadukan kedua-dua perkara besar yang baru disebutkan itu, saya berharap dapat menyampaikan suatu pandangan dan refleksi peribadi tentang kedudukan antropologi di Malaysia selama ini, khususnya dalam konteks politik dan pembangunan negara kita.

Kerana itulah saya telah memilih tajuk “Antropologi dan Modernisasi: Mengungkapkan Pengalaman Malaysia” sebagai tajuk syarahan perdana saya pada hari ini.

Saya berpandangan bahawa dalam konteks “politik dan pembangunan di Malaysia”, yang ternyata sekali didorong kuat oleh naluri ingin moden, maju dan industrial secepat boleh, yang telah ‘dimoden dan dibandarkan’ dalam keseluruhan proses perubahan sosial ini bukan sahaja ruang fizik dan sosial di sekitar kita atau komposisi pola gaya hidup seharian kita, dimoden dan bandarkan juga adalah ruang ilmu dan intelektual kita.

Kalau kita teliti dengan lebih rapi bagaimana ketiga-tiga ruang ini - fizikal, sosial, intelektual - telah dimoden dan dibandarkan di Malaysia, kita akan dapat melihat bahawa masing-masing berkembang dengan kadar yang berbeza. Ternyata yang selalu tercicir dalam dinamika proses ini adalah ruang ilmu dan